



**MAJLIS PERJUMPAAN KETUA  
PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
BERSAMA-SAMA PEGAWAI  
PENGURUSAN TERTINGGI  
PERKHIDMATAN AWAM  
BILANGAN 2 TAHUN 2024**

**AMANAT  
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN  
AWAM**

**TARIKH : 16 MEI 2024 (KHAMIS)  
TEMPAT : DEWAN MEZZANINE, JPA  
MASA : 11.00 PAGI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum W.B.T.

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia  
MADANI.

Terima kasih saya ucapkan kepada pengacara majlis dan  
pembaca doa.

## **SALUTASI**

---

**Yang Berbahagia Datuk Dr. Aneese bin Ibrahim**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

**Yang Berbahagia Dato' Mohd Shaiful bin Ibrahim**

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

**Yang Berbahagia Dato' Badurunhisam bin Mohd Nor**

Pengarah, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan  
Awam

Seterusnya Yang Berbahagia Dato'/Tuan/Puan-puan yang saya  
hormati sekalian.

## UCAPAN ALUAN

---

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama dalam **Majlis Perjumpaan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bersama-sama Pegawai Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam** pada pagi ini. Terima kasih saya ucapkan di atas komitmen dan kehadiran YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam menjayakan majlis ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah saya ucapkan kepada **92 orang Pegawai Pengurusan Tertinggi** yang kita raikan pada hari ini.
3. Dalam kesempatan ini juga, saya ingin menyampaikan beberapa amanat penting berkaitan agenda dan hala tuju negara pada masa ini. Seterusnya, tugas dan peranan kita sebagai Penjawat Awam bagi merealisasikan segala hasrat dan perancangan yang telah digariskan.

## KOMITMEN KERAJAAN DAN CABARAN PERKHIDMATAN AWAM DALAM MENJAYAKAN AGENDA NASIONAL

---

YBhg. Dato'/Tuan/Puan yang saya hormati sekalian,

4. Sepertimana kita semua sedia maklum, YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan dasar **Malaysia MADANI**. Gagasan ini diilhamkan berdasarkan keprihatinan Kerajaan terhadap segala permasalahan rakyat, diterjemahkan melalui reformasi dan transformasi

pelbagai inisiatif Kerajaan, bagi memacu Malaysia ke arah lebih maju dan makmur.

5. Sebagai mendukung dasar Malaysia MADANI ini, YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah memperkenalkan "**The G.R.E.A.T Civil Service**" yang berperanan sebagai mekanisme penyampaian perkhidmatan awam. Aspirasi ini memfokuskan kepada aspek pengukuhan organisasi daripada segi ketelusan, kecekapan dan akauntabiliti.
6. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa Perkhidmatan Awam turut berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menjayakan agenda nasional tersebut. Sebanyak **tujuh (7) cabaran utama** telah dikenal pasti, yang mana saya kelompokkan kepada **empat (4) kategori**, agar lebih mudah kita fahami dan bersama-sama memberikan perhatian untuk menanganinya.
7. Kategori pertama adalah **bakat dan modal insan**, yang melibatkan **dua (2) cabaran utama**. Yang pertama, **modal insan yang kurang kompeten** sehingga menyebabkan organisasi tidak berupaya untuk memenuhi kehendak pelanggan dan keperluan semasa. Keduanya, cabaran dalam **menarik dan mengekalkan bakat terbaik** dalam organisasi.
8. Kategori kedua adalah **fungsi dan sistem penyampaian perkhidmatan**, yang melibatkan **tiga (3) cabaran utama**. Pertama, **jurang antara kementerian dan jabatan** yang bekerja secara silo dan tiada penyelarasan. Kedua, **organisasi yang tidak keajaiban** menyebabkan berlaku pertindihan fungsi dan tugas. Dan yang ketiga, sistem penyampaian perkhidmatan awam masih dibayangi

kaedah **konvensional** kerana inisiatif pendigitalan penyampaian perkhidmatan masih belum dilaksanakan secara menyeluruh.

9. Seterusnya, kategori ketiga pula berkaitan dengan aspek **integriti**. Sudah sekian lama, kita masih lagi dibelenggu dengan isu integriti dan akauntabiliti, yang melibatkan pelbagai lapisan birokrasi. Hal ini acap kali dipersoalkan di media-media massa, yang membabitkan individu dan juga organisasi.
10. Manakala, kategori terakhir melibatkan cabaran berkaitan **isu kecekapan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi** serta pendigitalan perkhidmatan di setiap organisasi.
11. Sehubungan itu, saya menyeru agar YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk bersama-sama menggerakkan inisiatif-inisiatif baru yang segar dan relevan untuk memenuhi keperluan pelanggan masa kini. Dengan berpegang kepada prinsip **Memudahkan** (Facilitate), **Menyesuaikan** (Accommodate) dan **Menyegerakan** (Accelerate), sistem penyampaian perkhidmatan organisasi perlu dinamik, melalui penambahbaikan ke atas segala ketetapan lapuk, agar perkhidmatan yang diberikan bersesuaian dan memenuhi kehendak semasa.
12. Untuk itu, inisiatif-inisiatif ini perlu dilaksanakan dengan penerapan **nilai-nilai utama**, agar pelaksanaannya kelak berupaya untuk meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti Perkhidmatan Awam.

## **H.E.M.A.T. SEBAGAI ASPIRASI BAHARU PERKHIDMATAN AWAM**

---

Sidang hadirin yang saya kasihi sekalian,

13. Semasa Majlis Perhimpunan JPA dan Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang diadakan pada bulan Februari lalu, saya telah memperkenalkan satu **nilai baharu kepada Penjawat Awam, iaitu H.E.M.A.T.** Nilai ini bukan sekadar satu pegangan, tetapi ia juga merupakan panduan kepada kita semua dalam menyokong dasar Malaysia MADANI dan aspirasi "*The G.R.E.A.T. Civil Service*".
14. Dari sudut tafsiran, H.E.M.A.T. membawa dua (2) maksud yang penting. Pertama, ia melibatkan sikap Penjawat Awam dalam membelanjakan dana awam secara **berjimat-cermat dan tidak boros**. Kedua, daripada segi sifat, H.E.M.A.T. bermakna cara Penjawat Awam menjalankan tugas dengan **pengamatan dan penelitian yang mendalam**. Dengan kata lain, H.E.M.A.T. merujuk kepada **kewaspadaan dan ketelitian kita dalam tindakan serta pelaksanaan tugas** yang diamanahkan kepada kita.
15. Untuk makluman semua, akronim H.E.M.A.T. merangkumi beberapa nilai penting yang diwakili oleh setiap huruf di dalamnya. Nilai yang pertama adalah "**Hijrah Tata Kelola**", yang menyeru kita untuk sentiasa berani **berhijrah menerusi kepekaan dengan tuntutan perubahan** semasa. Nilai kedua adalah "**Empati Rakyat**", di mana Penjawat Awam perlu **memahami**

**permasalahan rakyat** dan sentiasa berusaha **memberikan kesejahteraan** kepada mereka.

16. Nilai yang ketiga adalah "**Minda Pekin**", di mana kita perlu **bersikap cermat** dalam membelanjakan dana awam dan **sentiasa kreatif** dalam memanfaatkan sumber-sumber sedia ada. Seterusnya adalah nilai keempat iaitu "**Apresiasi Inovasi**" yang menekankan pentingnya menyokong dan menghargai **perkembangan idea-idea baharu** bagi memperkasakan Perkhidmatan Awam. Dan nilai yang terakhir, merujuk kepada "**Telus Tadbiran**", yang menyeru kita untuk menyematkan **nilai-nilai integriti** dalam menjalankan tugas seharian.
17. Saya berharap nilai H.E.M.A.T. ini dapat diserap dan diasimilasikan oleh setiap individu yang hadir pada hari ini. Lebih dari itu, saya juga berharap agar nilai-nilai ini dapat diterapkan ke dalam organisasi masing-masing sebagai suatu usaha bersama dalam menjayakan dasar-dasar negara, sebagai usaha untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti Perkhidmatan Awam.
18. Justeru, melalui peningkatan produktiviti organisasi, diharapkan akan berupaya mencetuskan dorongan yang signifikan terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Seterusnya, limpahan kemakmuran ini kelak akan dapat meningkatkan pendapatan yang dapat dirasakan dan dinikmati oleh rakyat.

## **PRODUKTIVITI, GANJARAN SERTA KESAN KE ATAS KETIDAKCEKAPAN PENJAWAT AWAM**

---

YBhg. Dato'/Tuan/Puan sekalian,

19. Sebagai makluman bersama, bersempena sambutan Hari Pekerja Tahun 2024, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan gaji bagi penjawat awam selepas tempoh yang cukup panjang iaitu selama 12 tahun. Kenaikan ini merupakan satu **pengiktirafan terhadap sumbangan** dan pengorbanan penjawat awam dalam menyokong pembangunan negara. Saya yakin kenaikan gaji ini akan memberi semangat baru kepada semua warga perkhidmatan awam untuk terus berusaha dengan lebih cemerlang.
20. Namun demikian, bersama dengan kenaikan gaji tersebut, satu pesanan penting telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri yang wajar kita ambil serius. Pesanan tersebut berkaitan dengan **produktiviti jabatan, kompetensi, dan prestasi kerja** setiap individu dalam organisasi. YAB Perdana Menteri telah menegaskan bahawa jika rekod kerja seseorang tidak membanggakan, termasuk sikap malas, ketidakhadiran yang kerap, dan kurang memberikan tumpuan yang baik, mereka tidak akan mendapat ganjaran yang dijanjikan.
21. Oleh itu, tanggungjawab kita bersama sebagai pemimpin di dalam organisasi adalah untuk **memastikan kepimpinan yang efektif** dalam memacu dan membawa bersama semua warga organisasi. Kita perlu menggalakkan **semangat, kegigihan, dan amanah** dalam menjalankan tugas masing-masing. Sebagai pemimpin yang komited, kita juga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa **tiada keciciran atau**

**penyelewengan** berlaku dalam proses pemberian ganjaran kepada warga organisasi yang layak.

## **RASUAH, TATA KELOLA DAN INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

---

YBhg. Dato'/Tuan/Puan sekalian,

22. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi satu perkembangan penting yang berlaku minggu lalu, iaitu pelancaran Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional atau *National Anti-Corruption Strategies (NACS) 2024-2028* oleh YAB Perdana Menteri. Strategi ini bertujuan untuk memberi tumpuan kepada **usaha pencegahan rasuah, meningkatkan tata kelola dan integriti dalam pentadbiran perkhidmatan awam**, serta syarikat berkaitan kerajaan.
23. NACS 2024-2028 diperkenalkan untuk menggantikan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Inisiatif ini merupakan satu langkah penting dalam memerangi rasuah dan mempromosikan ketelusan sebagai sebahagian daripada agenda reformasi negara.
24. Untuk makluman semua, NACS merangkumi **lima (5) strategi utama** yang melibatkan **pendidikan, kebertanggungjawaban awam, suara rakyat, penguatkuasaan, dan insentif**. Usaha mencapai matlamat yang ditetapkan oleh NACS memerlukan usaha yang serius, pendekatan yang berfokus, dan yang paling penting, sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, termasuk Penjawat Awam.

25. Oleh itu, sebagai Ketua Jabatan dan Pengurusan Tertinggi organisasi, menjadi tanggungjawab kita untuk **sentiasa peka terhadap isu rasuah dan salah guna kuasa**, serta memastikan bahawa inisiatif ini dilaksanakan dengan berkesan. Ini termasuklah memastikan **penguatkuasaan undang-undang yang berkesan, berani bertindak serta memikul amanah dengan cekap**.
  
26. Sukacita juga saya mengingatkan bahawa setiap daripada kita mempunyai peranan yang besar dalam menguruskan tugas masing-masing. Sebagai Pegawai Pengurusan Tertinggi, tanggungjawab utama kita adalah menjadi mata dan telinga Kerajaan. Kita perlu **mengenal pasti masalah** yang dihadapi oleh rakyat dan pelanggan, **merumuskan cadangan penyelesaian** terbaik kepada Kerajaan, dan **melaksanakan dasar-dasar serta keputusan Kerajaan dengan teliti**. Dengan melakukan ini, kita dapat memastikan keperluan rakyat dipenuhi supaya hasilnya dapat dinikmati oleh mereka.

## **PENUTUP**

---

YBhg. Dato'/Tuan/Puan yang saya hormati sekalian,

27. Pagi ini, kita bersama-sama meraikan seramai **92 orang pegawai Pengurusan Tertinggi** yang akan menerima **surat pengesahan kenaikan pangkat dan surat penempatan**. Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan sekali lagi kepada anda semua atas pencapaian yang cemerlang ini.

28. Saya berdoa agar YBhg. Dato'/Tuan/Puan terus bersungguh-sungguh dalam menyumbangkan khidmat bakti, serta memikul amanah dengan telus dan berintegriti. Semoga YBhg. Dato'/Tuan/Puan berjaya mencapai sasaran tugas yang telah ditetapkan dengan cemerlang.
29. Sempena Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Ke-53 Tahun 2024, bertemakan "Guru Jauhari Digital, Aspirasi Negara MADANI", yang diraikan pada 16 Mei (iaitu hari ini), saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan ini kepada **tujuh (7)** orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi yang turut hadir pada pagi ini. Semoga para pendidik akan terus menyebarkan ilmu dan berbakti dalam mendidik generasi muda negara dengan cemerlang.
30. Akhir kata, semoga pengiktirafan ini menjadi dorongan dan memotivasikan YBhg. Dato'/Tuan/Puan untuk terus memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang pada masa depan, dalam menjayakan agenda Malaysia MADANI, melalui aspirasi "*The G.R.E.A.T. Civil Service*" dan menerapkan nilai-nilai H.E.M.A.T. dalam perkhidmatan.

Sekian. Wabillahi Taufiq Wal Hidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

- **TAMAT** -  
(1,577 patah perkataan)